

Senarai laluan berisiko tinggi berlaku tanah runtuh

FT4 ➔ Kupang-Gerik-Jeli

FT8 ➔ Kuala Lipis-Gua Musang-Kuala Krai

FT55 ➔ Teranum-Gap

FT59 ➔ Tapah-Cameron Highlands

FT68 ➔ Gombak-Bentong

FT76 ➔ Kuala Kangsar-Baling

FT148 ➔ Kuala Kubu-Teranum-Bukit Fraser

FT185 ➔ Simpang Pulai-Gua Betis-Gua Musang-Kuala Jeneris



Hujan lebat bawa risiko cerun runtuh

» *Runtuhan tanah boleh mengakibatkan banjir lumpur*

Oleh Mohd Roji Kawi, Poliana Ronnie Sidom, Mohd Iskandar Ibrahim, Saffek Affendy Razali, Safuri Kamarudin, Azhar Hashim dan Asrol Awang
bhnews@bh.com.my

➤ Kuala Lumpur

Hujan lebat berterusan yang melanda beberapa negeri ketika ini turut membawa risiko lain yang boleh mengancam nyawa, iaitu runtuhan tanah atau cerun, termasuk di sepanjang laluan lebuhraya atau jalan.

Pengarah Cawangan Kejuruteraan Cerun, Jabatan Kerja Raya (JKR), Dr Che Hassandi Abdullah, berkata jalan merentasi kawasan bukit bukau pada dasarnya lebih berisiko dengan kes runtuhan tanah yang cetek disebabkan air hujan menyerap masuk ke dalam permukaan tanah.

"Ia kemudian melemahkan struktur permukaan tanah dan seterusnya menyebabkan runtuhan. Runtuhan tanah sebegini jika banyak di satu-satu kawasan tadahan, boleh mengakibatkan banjir lumpur," katanya ketika dihubungi BH, semalam.

Restoran rosak

Semalam, hujan lebat turut menyebabkan tanah di lereng bukit di Jalan Raja Chulan, di sini, menggelungsur hingga sebuah res-

toran berhampiran rosak teruk dihempap struktur konkrit penghadang runtuhan dan mengakibatkan empat tong gas cecair petroleum (LPG) seberat 50 kilogram setiap satu bocor.

Penolong Pengarah Operasi Bomba Kuala Lumpur, Azizan Ismail, berkata 70 anggota dari Balai Bomba dan Penyelamat Hang Tuah dan KLCC dihantar ke lokasi sebelum penduduk diminta mengosongkan kediaman masing-masing susulan kejadian kira-kira jam 2.30 pagi itu yang tidak mengakibatkan kemalangan jiwa.

Di Sandakan, sebahagian jalan di Kilometer 39 Jalan Sandakan-Kota Kinabalu runtuh kira-kira jam 6 pagi semalam, namun tiada mangsa atau kenderaan terbabit dalam kejadian itu yang hanya mengakibatkan kesesakan lalu lintas beberapa jam selepas hanya satu lorong dapat dilalui.

JKR pantau tembok cerun bukit

Kerja pembinaan lencengan baharu sepanjang tujuh kilometer sebagai jalan sementara giat dilaksanakan oleh syarikat konsesi bertanggungjawab. Difahamkan, JKR juga melaksanakan pemantauan tembok cerun bukit sejak minggu lalu, namun tiada petanda menunjukkan jalan berkenaan berisiko runtuh.

Di Sarawak, seramai 13 penghuni dari dua rumah di Kampung Lidah Tanah, Bau, terpaksa dipindahkan sementara ke rumah jiran apabila tebing bukit di belakang rumah terbabit runtuh.

Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Bau, Ebby Hirwandy Sarbini, berkata penduduk berkenaan ditempatkan di rumah lain sehingga keadaan dipastikan pulih kerana dikhawatiri pergerakan tanah boleh membahayakan keselamatan mereka.

Di Kota Bharu, Ketua Penolong Pengarah JKR Kelantan, Mohd Sharidin Abdul Halim, berkata pihaknya mengenal pasti sekurang-kurangnya 15 jalan Persekutuan dan negeri di empat daerah, berisiko mengalami tanah runtuh, terutama ketika musim tengkujuh.

Kerja baik pulih

Ia membabitkan daerah Gua Musang, termasuk Jalan Persekutuan-Lojing dan Jalan Persekutuan-Kuala Berang, Jalan Persekutuan-Grik di daerah Jeli, Jalan Persekutuan-Perala-Hulu Bertam di daerah Jeli dan di daerah Kuala Krai pula membabitkan Jalan Persekutuan-Gua Musang dan Jalan Negeri-Chuchuh Puteri.

Di Johor Bahru, Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah negeri, Datuk Hasni Mohammad, berkata enam lokasi cerun berisiko runtuh di Johor kini dipantau dan dilaksanakan kerja baik pulih.

"Dua daripada lokasi itu di Jalan Tenang-Segamat di daerah Segamat membabitkan Jalan Persekutuan, manakala empat yang lain di sekitar Kota Tinggi dan Kulai, termasuk di Jalan Bandar Perani-FELDA Lok Heng di Kota Tinggi yang sedang giat dijalankan kerja pembaikan cerun," katanya.